


PAKAR LUMUT HASILKAN KAMUS DWIBAHASA BIOLOGI PERTAMA MALAYSIA

BERNAMA

Mohd Rafi Mamat

Mac 13, 2024 12:26 MYT



Prof Madya Lee Gaik Ee menghasilkan kamus 'Dwibahasa Kepelbagaian Biologi' yang pertama di negara ini.

KUANTAN: Pengalaman lebih 12 tahun dalam bidang taksonomi tumbuhan (lumut hati) mendorong pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Lee Gaik Ee menghasilkan kamus 'Dwibahasa Kepelbagaian Biologi'.

Beliau mengambil masa tujuh tahun bagi menghasilkan kamus pertama seumpamanya di negara ini dengan dibantu 22 penyelidik dalam pelbagai bidang.

Gaik Ee berkata, kamus setebal 254 muka surat itu amat berguna kepada golongan penyelidik, pensyarah dan penuntut universiti dalam memberi pemahaman secara komprehensif berkaitan biodiversiti.

Katanya, lebih 500 istilah disediakan beserta lebih 70 gambar serta rajah yang akan dapat memberi lebih pemahaman kepada pembaca.

"Kamus ini khas untuk golongan profesional dalam bidang biodiversiti.

"Kamus dwibahasa (bahasa Inggeris-bahasa Melayu) ini memberi panduan berkaitan keunikan kepelbagaiannya di negara ini, ia menjadi sumber rujukan dan perlu dimiliki individu yang berminat untuk memelihara warisan semulajadi negara.

"Ia dihasilkan dengan tersusun supaya pembaca lebih mudah memahaminya dengan melihat gambar serta rajah," katanya tadi.

Dia yang sebelum ini menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum menyambung pengajian di University of Munich, Jerman (2014-2016).

"Kamus ini menambahkan lagi penghayatan masyarakat terhadap pelbagai spesies tumbuhan dan ekosistem yang menjadikan negara ini sebagai rumah utama.

"Mereka yang berminat untuk memiliki kamus Dwibahasa Kepelbagaiannya Biologi boleh menghubungi secara email ke gaik.ee@umt.edu.my.

"Kamus ini diterbitkan oleh UMT, selepas ini saya akan menghasilkan tiga lagi buku. Sebelum ini saya menghasilkan buku lumut hati dan lumut tanduk di Malaysia," katanya yang kini bertugas sebagai pensyarah di UMT sejak 2014.